

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

SOALAN

PUAN ALICE LAU KING YIENG [LANANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha dan rancangan khas oleh Kerajaan Persekutuan untuk rakyat Sarawak dan senaraikan program dan bantuan sedia ada dan bantuan yang akan disalurkan kepada rakyat Sarawak.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan sentiasa beriltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

2. Bagi mencerminkan komitmen dan keseriusan Kerajaan berhubung usaha-usaha untuk mengembalikan hak negeri Sabah dan Sarawak seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (PP) dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Majlis khas ini adalah diurus setia oleh Bahagian Hal Ehwat Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES, JPM) di mana fokus utama agensi ini ditubuhkan adalah khusus untuk memberikan tumpuan berhubung penyelesaian berhubung isu-isu yang sering dibangkitkan berhubung hak negeri Sabah dan negeri Sarawak dalam Perjanjian Malaysia 1963. Dalam konteks ini, isu-isu seperti

keselamatan/pendatang asing, petroleum/gas, pembangunan ekonomi seimbang dan keperluan infrastruktur asas di Sabah dan Sarawak akan diberikan fokus utama dalam Majlis Khas yang telah ditubuhkan tersebut.

3. Selain itu, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun termasuk Sabah dan Sarawak. Berdasarkan data yang diperolehi daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, negeri Sabah dan negeri Sarawak telah pun diperuntukkan sejumlah RM40.62 bilion dalam tempoh RMKe-11 bagi melaksanakan projek baharu dan projek sambungan melalui pelbagai kementerian.

4. Selain itu, Kerajaan turut menubuhkan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri dan telah melaksanakan program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) di Sarawak dengan kerjasama Agensi Kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam, dengan melibatkan MINTRED Sarawak, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perikanan Negeri, Lembaga Lada Malaysia, serta Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak dan Universiti Sains Malaysia (USM).

5. Program DPUB merupakan sebahagian daripada inisiatif Kerajaan yang diberi mandat kepada TERAJU di bawah **Rancangan Malaysia Ke Sebelas** (RMK-11) dan *Rolling Plan* Ketiga ("RP3"). Tambahan pula, program ini memberi penekanan dan fokus untuk membangunkan kapasiti dan kemampuan komuniti B40 yang beradadi luar bandar bagi melahirkan usahawan dan produk-produk Bumiputera termasuk kaum Dayak di seluruh Sarawak.

6. Sehingga kini, sebanyak **RM 7juta** peruntukan yang telah diterima oleh TERAJU untuk keseluruhan program DPUB. Berikut adalah program-program DPUB yang melibatkan Kaum Dayak di Sarawak iaitu:

i. **Projek Pembangunan Lada (*Pepper Scale Up*):**

Peruntukan berjumlah RM850,000 peruntukkan telah diluluskan bagi projek ini melibatkan 4 buah kampung di Sarawak, iaitu Kampung Stass Bau, Kampung Garung Padawan, Kampung Karu Padawan dan Rumah Panjang Melabu Bair, Betong. Daripada program pembangunan ini ianya telah memberi manfaat kepada lebih 80 pekebun kecil Lada di 4 kawasan tersebut. Projek ini telah bermula pada 14 November 2019 dan

dijangka tamat pada 13 November 2024 (iaitu 2 tahun pelaksanaan projek dan 3 tahun pemantauan projek).

ii. Projek Eko-Pelancongan dan Ikan Eksotik:

Projek ini melibatkan komuniti di sekitar Empangan Murum, Sarawak dengan penglibatan lebih kurang 15 orang peserta bagi penternakan ikan empurau dalam sangkar. Restoran dan rumah terapung juga dibangunkan melalui program ini bagi melengkapkan ekosistem pelancongan di kawasan tersebut. Projek yang bernilai sebanyak RM420,280 telah dimulakan pada 8 Julai 2020 dan dijangka tamat pada 7 Julai 2025 (iaitu 2 tahun pelaksanaan projek dan 3 tahun pemantauan projek).

iii. Projek Minyak Pati dari Pokok *Litsea Cubeba*:

Projek ini akan bermula mulai 2021 dan menelan belanja sebanyak RM 2.5juta. Projek ini akan melibatkan 4 buah kampung suku kaum Dayak di Sarawak iaitu Kampung Kidding, Padawan, Rumah Jambu Kerampak Bukit Sadok Betong, Long Telingan and Ba'kelalan dengan penglibatan lebih daripada 75 penduduk kampung. Projek ini mengguna dan memanfaatkan pokok tempatan, *Litsea Cubeba* yang banyak terdapat di Sarawak.

Sekian, terima kasih.